



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5 June 2015

# 'Ini zaman saya memimpin'

» Najib yakin dapat selesai semua isu semasa

Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Mohd Roji Kawi  
bhnews@bh.com.my

► Petra Jaya

"Ini zaman saya sebagai Perdana Menteri... jangan pandang rendah keupayaan saya memimpin negara ini," kata Datuk Seri Najib Razak mengingatkan pengkritiknya agar tidak memperlekehkan kemampuannya memimpin kerajaan Barisan Nasional (BN) menadbir negara.

Dalam nada cukup tegas, Perdana Menteri berkata, tidak akan sesekali beliau tunduk kepada desakan atau tekanan, sebaliknya mahu meneruskan perjuangan, termasuk mencari jalan penyelesaian terhadap pelbagai masalah dan isu dihadapinya ketika ini.

"Siapa memilih saya sebagai Perdana Menteri.... tentunya rakyat yang pilih. Bukan sahaja rakyat Malaya (Semenanjung), bahkan segenap lapisan rakyat di negeri ini. Justeru, tiada sebab mengapa saya perlu turun (bersara) hanya kerana kehendak dan desakan seseorang.

"Masalah 1MDB ke atau apa pun isu yang berlaku, kita akan mencari jalan penyelesaian sebaik-baiknya. Malah, saya cukup yakin kita akan beroleh kejayaan dalam menangani semua permasalahan itu... tunggulah masa akan tiba," katanya ketika menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat - Sarawak Untuk Najib di Stadium Perpaduan, di sini semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, Datuk Amar Mohammad Asfia Awang Nassar dan Setiausaha Agung BN Sarawak, Datuk Dr Stephen Rundi Utom.

### Laksana mandat rakyat

Najib yang juga Pengerusi BN Pusat, berkata pengkritiknya perlu memberi ruang kepada beliau untuk mentadbir negara dengan tenang selepas rakyat memberi mandat penuh kepadanya sebagai Perdana Menteri.

"Ramai melihat saya sebagai



Najib dan Rosmah yang diiringi Adenan melaukan BN Boleh pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan, Kuching, semalam. (FOTO MOHD RADZI BUJANG/BH)



Ketua Pemuda BN Sarawak, Datuk Seri Padillah Yusufoff menentuai lafaz ikrar taat setia kepada Perdana Menteri.

seorang yang berdiplomasi, namun apakah saya hanya perlu berdiam diri jika dilemparkan pelbagai kritikan melulu. Darah yang mengalir dalam diri saya bukan darah sembarangan.... semangat kepahlawanan tetap ada dalam diri saya.

"Apa yang berlaku membuatkan saya lebih gigih dan bersemangat. Saya akan terus memimpin negara kita, saya akan terus berjuang kerana banyak agenda kita belum selesai, paling utama kita nak wujudkan sebuah negara Malaysia yang maju," katanya.

Najib berkata, pemimpin terdahulu turut mengharungi pelbagai masalah besar dalam pentadbiran, namun dengan sokongan dan taat setia pemimpin seperti beliau, membolehkan Perdana Menteri sebelumnya kekal berkuasa, termasuk ada yang berada di tampuk kuasa sehingga mencecah 22 tahun.

Malah, beliau cukup terharu dengan sokongan padu ditunjukkan rakyat negeri ini dan

turut berjanji untuk meningkatkan perjuangannya dalam menyelesaikan pelbagai kemelut dalam negara.

### Yakin sokongan BN Sarawak

"Yakinlah, hati saya sentiasa bersama anda (rakyat Sarawak) dan saya juga tahu, anda juga bersama saya. Saya lama dalam politik.... saya boleh taf-

"Ramai melihat saya sebagai seorang yang berdiplomasi, namun apakah saya hanya perlu berdiam diri jika dilemparkan pelbagai kritikan melulu. Semangat kepahlawanan tetap ada dalam diri saya"

Najib Razak, Perdana Menteri

sir hati dan baca muka orang. Saya tahu rakyat Sarawak sangat ikhlas dalam menyokong perjuangan saya. Justeru, saya akan bersama anda semua untuk memastikan BN Sarawak menang besar pada pilihan raya negeri nanti," katanya.

Beliau menggesa agar perpaduan BN Sarawak terus diperkukuhkan, bukan sahaja di kalangan empat parti komponen iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS), malah dua lagi parti mesra BN iaitu Parti Tenaga Rakyat Sarawak (TERAS) dan Parti Rakyat Bersatu (UPP).

"BN Sarawak dan BN Sarawak Plus mesti bersatu untuk memastikan kita menang besar di Sarawak dan memberi mandat kepada Ketua Menteri (Tan Sri Adenan Satem) kerana ia menjadi pembuka tirai kepada kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang," katanya.